SMU akan bantu pelajar bentuk pendidikan bangun diri sendiri



PERLUAS PENGALAMAN **DI UNIVERSITI:** Presiden

SMU Profesor Kong melancarkan beberapa program silang disiplin untuk memenuhi minat kerjaya pelajar dan program pendedahan sejagat untuk memperluaskan pengalaman universiti mereka. - Foto ZAOBAO

MAHASISWA lazimnya diminta mengisytiharkan jurusan mereka pada

akhir tahun pertama. Namun bagi Universiti Pengurusan Singapura (SMU), ia sedang mendapat-kan pelajarnya mengisytiharkan misi ke-hiduran menda hidupan mereka.

Pendekatan tersebut diumumkan se-malam oleh Profesor Lily Kong, presiden

baru SMU, lapor The Straits Times. Beliau berkata universiti tersebut sedang meneroka idea mendapatkan sebi-langan kecil pelajar yang komited untuk menentukan misi mereka pada akhir

Ahli geografi bandar, sosial dan bu daya terkenal itu, yang mengambil alih kepimpinan SMU daripada Profesor Ar-noud De Meyer bulan lalu, menjelaskan bahawa pelajar mungkin ada keinginan membangunkan amalan perniagaan dan

ekonomi yang mampan atau memperolehi minat mendalam dalam menangani isu persamaan sosial.

Pelajar akan dibimbing oleh mentor-mentor fakulti untuk membentuk resume, atau keterangan diri sendiri, melalui campuran kursus, penyelidikan dan latihan belajar sambil bekerja (intern-ship) yang membolehkan mereka me-menuhi misi mereka.

Beliau berkata universiti itu telah melancarkan beberapa program silang di-siplin untuk memenuhi minat kerjaya pelajar dan akan meneruskan momentum ini

Program itu termasuk undang-un-dang dan ekonomi serta pengurusan ban-dar bijak dan teknologi.

Profesor Kong juga menekankan satu lagi inisiatif yang telah dimulakan di SMU bagi memastikan semua pelajarnya

menjelajah ke luar negara

Beliau memaklumkan bahawa pelajar Beliau memaklumikan banawa pejajar SMU boleh mengharapkan lebih banyak peluang pendedahan sejagat dengan adanya penubuhan Pusat Sejagat (Glo-bal Centres) di seluruh dunia. Antaranya, di bandar seperti Bangkok, Manila, Ho Chi Minh dan Jakarta di rantau Asean. Darinada 1.775 nelajar SMU yang hu-

Daripada 1,775 pelajar SMU yang lu-lus pada 2017, sebanyak 87 peratus mempunyai sekurang-kurangnya satu bentuk kegiatan pendedahan sejagat se-

masa mereka di universiti. Sebanyak 55 peratus daripada golo-ngan itu pula telah menyertai dua kegiatan.

Beliau berkata pusat sejagat itu akan menjadi "jejak SMU di bandar-bandar ini" yang membantu mencari peluang serta menyelaraskan dan membentuk

bersama kegiatan universiti itu. Ini termasuk menyelaras latihan bela-jar sambil bekerja pelajar, projek inovasi dan khidmat masyarakat. "Secara bersama, Pusat Global ini ber-

otensi menyumbang kepada kewujudan kami di tahap antarabangsa dan membentuk satu rangkaian pusat yang dapat meningkatkan profil SMU, kerjasama dan membangun hubungan dengan masyarakat sejagat," kata Profesor

Kong. Semalam, beliau turut mengumumkan secara rasmi pelantikan provos dan dekan yang baru bagi Sekolah Sains Sos-ial SMU (SOSS).

Provos SOSS, Profesor Timothy Clark, akan memulakan tugas pada 1 April ini manakala dekan SOSS, Profesor Chandran Kukathas, akan menyertai universiti itu mulai 1 Julai.